

1,762 paket *Ghost Smoke* dirampas

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas sebanyak 1,762 paket gula-gula *Ghost Smoke* sepanjang pemeriksaan yang dijalankan di seluruh negara pada 23 hingga 31 Julai lalu.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, dalam pemeriksaan itu, sebanyak 2,401 buah premis di peringkat pemborong dan peruncit telah diperiksa.

“Sehubungan dengan itu, kita telah membuka sebanyak 12 kertas siasatan membabitkan kes tersebut.

“Gula-gula itu dijual pada harga 50 sen sebiji. Ia disukai dan dijual secara meluas kepada pelajar sekolah. KPDNHEP menyedari akan kebimbangan ibu bapa dan memberi perhatian sepenuhnya berhubung isu ini,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Iskandar Halim, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 kerana disyaki menjual ba-



SEBAHAGIAN daripada gula-gula *Ghost Smoke* yang dirampas pihak berkuasa di Johor Bahru pada 25 Julai lalu.

rangan yang menggunakan perihal dagangan palsu.

Jelasnya, sabit kesalahan, individu yang terbabit boleh didenda tidak melebihi RM250,000 bagi satu pertubuhan perbadanan.

“Sebaliknya, bagi peniaga bukan pertubuhan perbadanan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau

kedua-duanya.

Sekiranya terdapat premis yang menjual gula-gula *Ghost Smoke* di pasaran, ibu bapa dan masyarakat boleh menyalurkan aduan kepada KPDNHEP melalui talian 1-800-886-800, WhatsApp ke 019-2794317 atau melalui portal iaitu eaduan.kpdnhep.gov.my untuk diambil tindakan sewajarnya.